



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***CITRA BUSANA DALAM NASKHAH
MELAYU SYAIR AGUNG***

ADILAH BINTI HJ. JUSOH

FBMK 2015 69



**CITRA BUSANA DALAM NASKHAH
MELAYU SYAIR AGUNG**

Oleh

ADILAH BINTI HJ. JUSOH

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

December 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa hak teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

CITRA BUSANA DALAM NASKHAH MELAYU SYAIR AGUNG

Oleh

ADILAH BINTI HJ. JUSOH

November 2015

Pengerusi: Fazilah Husin, PhD

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini adalah analisis tentang gambaran busana dalam *Naskhah Melayu Syair Agung* (NMSA) yang telah diselenggarakan oleh Zahir Ahmad, dan diterbitkan pada tahun 1991. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis citra busana dalam NMSA, menghuraikan bahan, corak, warna, dan buatan busana serta menganalisis fungsi busana yang digambarkan kepada masyarakat dalam teks tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dengan mengumpulkan data-data berkaitan busana dalam NMSA dan mengaplikasikannya dengan menggunakan pendekatan estetika. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai jenis busana digambarkan dalam teks yang dapat dikategorikan kepada pakaian, perhiasan dan peralatan atau kelengkapan. Berdasarkan kepada pengkategorian tersebut, didapati bahawa terdapat sebilangan gambaran busana dalam jenis yang sama, namun dipaparkan oleh pengarang dengan nama busana yang berlainan. Malah, sesetengah busana yang digambarkan itu ada membawa kepada maksud yang berlainan pada masa kini. Pada waktu yang sama, didapati busana pakaian lebih banyak memaparkan aspek bahan, corak, warna dan pembuatan. Hal ini demikian kerana, busana pakaian merupakan keperluan utama bagi setiap manusia, berbanding dengan busana perhiasan dan peralatan atau kelengkapan yang hanya diperlukan mengikut masa dan keadaan tertentu sahaja. Kepelbagaian gambaran busana yang dipaparkan dalam NMSA mempunyai fungsi yang bersesuaian kepada masyarakat dalam sesebuah upacara adat istiadat, majlis dan juga peristiwa.

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

COSTUME IMAGE IN *NASKHAH MELAYU SYAIR AGUNG*

By

ADILAH BINTI HJ. JUSOH

November 2015

Chairman: Fazilah Husin, PhD

Faculty: Modern Languages and Communication

This study is an analysis of the costume description that appears in *Naskhah Melayu Syair Agung* (NMSA) written by Ahmad Zahir and published in 1990. The objectives of this study are to identify the types of clothes in *NMSA*, to describe its materials, pattern, colours and craft and also to analyze its function which described to the society in the text. The methodology of this study is a textual analysis by collecting data related to the costume in *NMSA* and apply it using aesthetic approach. The results showed that there are different types of cloths that are described in the text and can be classified as cloths, accessory and appliances or equipments. Based on the categorization, it was found that there are a number of costume image was in the same type, but displayed by the author with a different name. To date, some of the described costumes already acquired different connotation. To date, description some of the words brings a different connotation. Nevertheless, it appears that the costume depicts more on aspects of materials, patterns, colors and manufacturing. This happens since the costume is consider as key requirement compare to fashion jewelry and appliances/ equipment which are only required at the certain time and conditions. The diversification of description stipulated in the *NMSA* does not only describe beauty of the clothes but it also suited the customary, ceremonies and events of the public.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, perjalanan penulisan tesis ini akhirnya dapat disempurnakan dengan jayanya. Di kesempatan ini, saya merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Dr. Fazilah Husin, serta tidak lupa kepada kedua-dua ahli Jawatankuasa Penyeliaan, Dr. Mohd. Sharifudin bin Yusop dan Dr. Roslina Abu Bakar dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar bagi menyempurnakan penyelidikan ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga diucapkan jutaan terima kasih dan terhutang budi juga untuk suami serta arwah ayah dan bonda yang sangat disayangi, yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan yang tidak terhingga. Sesungguhnya, tanpa kalian tidak mungkin saya mampu berdiri segagah ini untuk menyelesaikan penulisan tesis ini.

Tidak ketinggalan juga untuk sahabat-sahabat yang saya kasihi, terima kasih atas semangat yang kalian berikan untuk saya terus melupakan kepayahan dan kesusahan yang dilalui sepanjang perjalanan melaksanakan penyelidikan ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga untuk semua pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana turut membantu dan memberikan pandangan serta panduan yang bermakna kepada saya dalam menghasilkan penyelidikan ini. Semoga dengan ilmu yang kalian curahkan ini dapat dimanfaatkan untuk kebaikan bersama.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 19 November 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Adilah binti Hj. Jusoh bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Citra Busana dalam *Naskhah Melayu Syair Agung*” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Arba'ie bin Sujud, PhD


Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd. Ali, PhD

Pensyarah Kanan
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 Februari 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Fazilah Husin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd. Sharifudin Yusop, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Roslina Abu Bakar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil karya saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/*fabrikasi* data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Adilah Binti Hj. Jusoh (GS 30188)

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
BAB	
1	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Penyataan Masalah 4
1.3	Objektif Kajian 5
1.4	Kepentingan Kajian 5
1.5	Batasan Kajian 7
1.6	Definisi Operasional 7
1.6.1	Citra 8
1.6.2	Busana 9
1.6.3	Citra Busana 10
1.6.4	Syair 11
1.7	Rumusan 12
2	SOROTAN KAJIAN
2.1	Pengenalan 13
2.2	Kajian terhadap Busana 13
2.3	Kajian terhadap <i>Syair Agung</i> 19
2.4	Rumusan 21
3	METODOLOGI KAJIAN
3.1	Pengenalan 22
3.2	Reka Bentuk Kajian 22
3.3	Pemprosesan Data Kajian 23
3.4	Pendekatan Kajian 24
3.4.1	Pendekatan Teori Estetika Thomas Aquino 24
3.5	Kerangka Konseptual Kajian 31
3.6	Rumusan 31
4	ANALISIS KAJIAN
4.1	Pengenalan 32
4.2	Keutuhan dan Keseimbangan 32
4.2.1	Jenis-jenis Citra Busana dalam <i>NMSA</i> 34
4.2.1.1	Pakaian 35
4.2.1.2	Perhiasan 35

4.2.1.3	Peralatan/ Kelengkapan	36
4.3	Keselarasan dan Keseimbangan	36
4.3.1	Bahan, Corak, Warna dan Pembuatan Busana	37
4.3.1.1	Baju	39
4.3.1.2	Kain	48
4.3.1.3	Celana dan Seluar	58
4.3.1.4	Selubung, Selendang dan Tudung	61
4.3.1.5	Kaus	64
4.3.1.6	Bulang, Destar dan Tajuk	66
4.3.1.7	Mahkota	69
4.3.1.8	Rantai	71
4.3.1.9	Dokoh	71
4.3.1.10	Gelang	72
4.3.1.11	Cincin	74
4.3.1.12	Subang	76
4.3.1.13	Sunting dan Malai	77
4.3.1.14	Ramal dan Sapu Tangan	78
4.3.1.15	Tetapan	81
4.3.1.16	Kancing	81
4.3.1.17	Ikat Pinggang	83
4.3.1.18	Pedang	84
4.3.1.19	Keris	85
4.3.1.20	Khanda	86
4.4	Kejelasan	87
4.4.1	Fungsi Citra Busana dalam <i>NMSA</i>	88
4.4.1.1	Adat Istiadat Penganugerahan Persalinan	89
4.4.1.2	Adat Istiadat Perkahwinan	91
4.4.1.3	Adat Istiadat Pertabalan Raja	93
4.5	Rumusan	95
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	96
5.2	Hasil Dapatan Kajian	96
5.3	Cadangan	97
	BIBLIOGRAFI	99
	LAMPIRAN	110
	BIODATA PELAJAR	113

SENARAI RAJAH

Rajah	Surat	Muka
1	Kerangka Teori	25
2	Kerangka Konseptual Kajian	31
3	Konsep Busana	32
4	Jenis-jenis Citra Busana dalam <i>NMSA</i>	34
5	Jenis-jenis Pakaian dalam <i>NMSA</i>	38
6	Jenis-jenis Perhiasan dalam <i>NMSA</i>	65
7	Jenis-jenis Peralatan atau Kelengkapan dalam <i>NMSA</i>	84

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Naskhah Melayu Syair Agung (seterusnya NMSA) merupakan sebuah syair yang mempunyai pengaruh Hindu dan Jawa. Hal ini demikian kerana, keadaan ini dapat dilihat berdasarkan kepada perbandingan yang telah dibuat oleh Zahir Ahmad terhadap penelitian ke atas plot, tema, dan watak perwatakan dalam syair ini yang jelas memperlihatkan persamaan dengan *Hikayat Seri Rama* dan *Cerita Panji* berdasarkan kepada ketiga-tiga aspek tersebut (Zahir Ahmad, 1986: v). Walaupun dari segi strukturnya, *Syair Agung* adalah dalam bentuk puisi, manakala *Hikayat Seri Rama* dan *Cerita Panji* adalah dalam bentuk prosa, namun perbezaan dari aspek ini tidak memperlihatkan kelainan dari segi plot, tema, dan watak perwatakan yang digambarkan oleh pengarang kerana sifat puisi syair itu sendiri yang merupakan untaian pengkisahan sebuah cerita dari awal hingga akhir.

Dibandingkan pula dengan puisi pantun yang lebih bersifat dialog atau pengalihan idea secara pendek dan ringkas, syair mempunyai peranannya yang tersendiri iaitu melahirkan pemikiran atau idea yang berterusan. Puisi lainnya seperti ruba'i, ghazal, kit'ah, nazam dan gurindam juga pernah menjadi media perutusan para penyair, tetapi semuanya belum masih dapat menandingi puisi syair dari segi penghasilannya (Abdul Mutalib Abdul Ghani, 1991: vii). Hal ini demikian kerana, kisah yang ingin dibawakan dalam syair itu merupakan perkisahan yang panjang bermula dari awal hinggalah akhir cerita, dan hal ini tidak sama sekali meyerupai dengan bentuk puisi yang lain. Selain itu, satu hal yang menarik juga dalam NMSA ialah tentang sesuatu pemerian itu terdapatnya rangkap-rangkap pantun di dalamnya. Rangkap-rangkap pantun itu diselitkan oleh pengarang atau penyalin di bahagian-bahagian tertentu yang dikira sesuai dan tepat. Hal ini dapatlah dilihat bahawa pencipta atau pengarang syair ini mempunyai kebolehan dalam mencipta kedua-dua bentuk puisi ini.

Pemerian busana dalam syair telah menimbulkan kesan keindahan kepada pembentukan syair ini ditambah pula dengan selitan pantun mengindahkan lagi keindahan lahiriahnya. Sementelahan pula, kepelbagaian keindahan jenis busana yang disampaikan oleh pengarang berkaitan dengan busana dalam syair ini disampaikan secara langsung.

Penyair berhubung dengan khalayak melalui patah-patah perkataan atau kosa kata yang dipilih dan disusun untuk mengungkapkan pemikiran atau menyampaikan sesebuah kisah tertentu. Kosa kata pada puisi merupakan sarana seseorang penyair dalam menyampaikan idea dan gagasannya melalui pengetahuan dalam menggunakan kata-kata yang sesuai dengan kisah yang ingin disampaikan. Syair juga puisi terikat, di mana pengarang perlu bijak menyusun kalimah agar lunak pada pendengaran, nilai estetikanya terpelihara tetapi menepati maksud yang ingin disampaikan (Amida @ Hamidah Haji Abdulhamid, 2005: 61-74). Pemilihan kata memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu hasrat dan agar dapat difahami maksud sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat. Penggunaan bahasa yang tersurat adalah yang tertulis dan dapat difahami secara terus, manakala bahasa tersirat adalah maksud yang berlipis dan mempunyai makna yang tertentu. Keindahan atau estetika dalam syair terbina daripada kehalusan bahasa, pemilihan kata-kata, susunan nada, kandungan emosi selain

makna yang tersirat. Keterikatan rima akhir seharusnya tidak menghalang penyair untuk mencambahkan segala ilhamnya. Malah, secara sedar dan langsung, pemerian tentang keindahan dapat dipaparkan hatta dengan perkataan “indah” itu sendiri (Zubir Idris, 2005: 139).

Justeru itu, apabila pengarang memaparkan kisah dan suasana dalam sesebuah penceritaan dalam syair, bersama dengan itu pengarang turut memperincikan tentang adat resam, adat istiadat dan juga peristiwa-peristiwa penting yang digambarkan bersama-sama dengan keterlibatan watak-watak diserikan dengan penggunaan busana yang indah-indah serta berbagai rupa dan bentuk. Penggunaan busana yang digambarkan dalam syair pula adalah berlainan mengikut kepada jenis suasana atau majlis yang berlangsung. Sekali gus keadaan ini menunjukkan bahawa, gambaran pengarang memaparkan kisah dan suasana yang terjadi dalam penceritaan seiring dengan kepentingan penggunaan busana itu sebagai satu simbol adat yang perlu digunakan dalam sesebuah majlis. Melalui pemaparan watak yang pelbagai dan menarik dalam syair ini, kehadiran gambaran busana yang pelbagai jenis dalam pelbagai kategori dan fungsi mengikut keadaan, majlis dan suasana tertentu adalah bersesuaian dengan fungsi busana tersebut. Tambahan pula, pemerian busana yang indah-indah itu sendiri menjadikan syair ini lebih menarik jika dihayati oleh pembaca.

Tambahan pula, urutan syair dalam *NMSA* memaparkan tentang busana yang dikenakan oleh seseorang watak dari hujung rambut sehinggalah ke hujung kaki, iaitu berupa pakaian beserta dengan seluruh perhiasan, perlengkapan ataupun peralatan. Menurut Zubaidah Shawal (1994: xv) pakaian boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang dipakai untuk membalut seluruh tubuh badan dari sebarang elemen yang boleh mencederakan anggota badan, menyesuaikan suhu badannya dengan cuaca, menjaga serta melindungi maruah diri, dan memberikan keselesaan pergerakan kepada si pemakai. Contoh pakaian adalah berbagai jenis baju, termasuklah baju kebaya, baju kurung, baju sipak, baju Kedah, baju Melayu, manakala kain termasuklah sarung dan jenis kain yang digunakan iaitu seperti kain songket, kain limar, kain pelangi serta fungsi kain itu digunakan seperti kain sarung, kain samping dan sebagainya. Perhiasan pula adalah sesuatu yang digunakan untuk mempercantik dan memperhiaskan diri seseorang itu. Segala kelengkapan perhiasan yang diguna pakai jika dikaji dari sudut kewujudan manusia itu sendiri sudah menggambarkan betapa masyarakat Melayu begitu menyedari konsep keindahan tubuh manusia secara tersendiri. Setiap bahagian anggota tubuh badan mempunyai peranan yang bukan sahaja dari sudut fungsional malah makna keindahan jiwa dan pemikiran. Dari atas bahagian kepala, sehinggalah ke bawah badan dan ke kaki dihias dengan pelbagai perhiasan sesuai dengan acara dan adat istiadat pemakaiannya (Siti Zainon Ismail, 2004: 9). Reka bentuk, corak dan motif yang terdapat pada perhiasan telah membuktikan betapa kayanya kesenian yang terciptanya ke hari ini. Kebanyakan pembuatannya adalah hasil tangan daripada mereka yang mahir untuk memenuhi keinginan golongan raja dan bangsawan pada masa itu. Antara contoh perhiasan adalah seperti rantai, cincin, gelang, dokoh, tali pinggang, anting-anting (subang), kerongsang, cucuk sanggul, dan pending. Manakala perlengkapan atau peralatan pula adalah sesuatu perkakas yang digunakan untuk melengkapkan diri agar lebih nampak sempurna dalam pemakaian. Malah, pada masa dahulu, fungsi peralatan bukan sahaja untuk melengkapkan pemakaian busana, tetapi ia juga berperanan sebagai alat senjata bagi melindungi seseorang daripada ancaman musuh. Antara contoh perlengkapan atau peralatan adalah seperti keris dan juga pedang (Siti Zainon Ismail, 2004: 9).

Sebelum terciptanya busana yang indah-indah, manusia pada zaman prasejarah telah menggunakan bahan sederhana seperti rumput, lalang, atau kulit binatang untuk dijadikan pakaian sehinggalah munculnya peradaban benang dan proses menenun untuk menghasilkan kain (Siti Zainon Ismail, 2009: 15). Malah, manusia pada zaman dahulu hanya menggunakan pakaian untuk menutup tubuh bagi mengelakkan kesan panas dan dingin. Berbeza pada masa kini, pakaian berfungsi sebagai fesyen yang dilengkapi dengan perhiasan yang indah-indah serta peralatan atau kelengkapan tertentu yang akhirnya mewujudkan busana yang dikenakan itu menarik.

Sejak abad ke-15 Masihi, telah wujud konsep busana atau pakaian, iaitu melalui pemerian memakai cara Melayu yang dicatat dalam teks sastera Melayu lama. Pemerian ini dianggap sebagai rakaman budaya mengenai pakaian dan sejauh mana pakaian itu diamalkan dalam kehidupan sehingga menjadi pakaian tradisional yang mengandungi unsur nilai dan norma dalam ciri kesinambungan budaya Melayu pada hari ini (Siti Zainon Ismail, 2009: 19).

Menurut Azah Aziz (2006: 229) untuk mendapatkan huraian yang menarik mengenai tekstil dan busana, rujukan pada gurindam, pantun dan syair dalam persuratan Melayu lama banyak memperkatakan keindahan tekstil dan busana dalam bahasa berpuisi. Kehebatan pesalinan diraja dengan segala hiasan dan peralatannya terbayang dengan jelas dalam puisi lama itu. Pemerian melalui puisi-puisi tradisional seperti itu menggambarkan masyarakat pada masa itu bukan sahaja memaparkan tentang keindahan pada busana tersebut, malah keindahan yang disampaikan melalui puisi tersebut dioalah dengan penuh makna sehingga memukau setiap pembaca. Kehebatan kerajaan terdahulu yang dapat dilihat melalui kesan sejarah turut menceritakan keindahan dan betapa pakaian (busana) merupakan budaya visual yang tidak dilupakan sehingga ke hari ini.

Semenjak pakaian menjadi sebahagian daripada keperluan hidup manusia, pelbagai tanggapan dan interpretasi dikemukakan. Menurut Mohd. Kamil Mohd. Ali (2009: 5), beliau mengatakan bahawa pakaian yang dipakai oleh seseorang itu menjadi perlambangan terhadap status sosial, gaya hidup serta budaya seseorang. Penemuan beberapa artifak (G. William, 1959: 9) menunjukkan bahawa nenek moyang orang Melayu memakai perhiasan seperti gelang, cincin, rantai manik yang dihasilkan daripada bijian atau bahan tembikar yang ditanam bersama mayat dan ianya merupakan peralatan yang mewarisi ciri budaya Neolitik. Reka bentuk budaya benda tersebut memperlihatkan penggunaan bahan alam semula jadi (Winstedt, 1981: 11). Pakaian daripada bahan kulit kayu adalah salah satu ciri reka bentuk budaya Neolitik yang bersifat sejagat sebelum munculnya teknik tenunan (Siti Zainon Ismail, 2009: 40) sehinggalah terhasilnya kain atau tekstil untuk dijadikan pakaian.

Dalam era sejarah, gambaran pakaian wilayah budaya Melayu dapat dilihat dalam tiga zaman yang penting, iaitu:

- 1) Kerajaan Melayu Awal (abad pertama hingga 13)
- 2) Kerajaan Melayu Melaka (abad ke-14 hingga 16)
- 3) Kerajaan Melayu Johor-Riau (dan kesinambungan di wilayah budaya Melayu (abad ke-17 hingga 19).

Dua buah kerajaan Melayu yang tercatat dalam zaman kerajaan Melayu Awal ialah Langkasuka dan Sriwijaya. Di bawah kuasa kedua-dua kerajaan ini secara tidak

langsung wilayah budaya Melayu mengamalkan pengaruh dan ciri budaya Hindu-Buddha (Siti Zainon Ismail, 2006: 46).

1.2 Penyataan Masalah

Bertitik tolak daripada pengamatan terhadap hasil kajian-kajian lepas, didapati bahawa terdapat kelompangan kajian terhadap busana yang melibatkan teks sastera terutama dalam bentuk puisi seperti syair. Kebanyakan kajian yang dijalankan banyak disentuh oleh pengkaji sering berkisar dengan teks-teks prosa seperti teks-teks sejarah dan penglipur lara namun hanya terdapat sebilangan kecil pengkaji hanya sekadar menjadikan contoh untuk memaparkan sesuatu busana tersebut. Menurut Indirawati Zahid (1989), gambaran keindahan pakaian diceritakan dengan jelas di dalam naskhah *Syair Agung*. Namun begitu, Indrawati Zahid hanya sekadar memaparkan beberapa kosa kata pakaian yang hanya menjurus kepada perbandingan kosa kata yang kian dilupai dan sudah pupus dengan yang terkini dalam melengkapkan kajiannya terhadap kosa kata dalam *Syair Agung*. Hal yang sama turut dilakukan oleh Raja Masittah (1992) yang turut menghuraikan tentang kosa kata pakaian. Namun, kajiannya juga lebih menjurus kepada pemaparan tentang makna kosa kata yang bukan sahaja berkaitan tentang pakaian, namun kosa kata perhiasan juga diungkapkan. Dalam hal ini, beliau mengambil teks prosa lama untuk dijadikan sebagai contoh.

Hampir setiap acara, majlis dan situasi yang dipaparkan dalam *NMSA* oleh pengarang digambarkan bersama dengan kewujudan penggunaan busana kepada watak-watak tertentu selaras memenuhi keperluan tertentu dalam sesebuah acara, majlis dan situasi tertentu. Sesuatu pakaian yang digunakan oleh watak-watak tersebut tidak akan lengkap sekiranya tidak dinyatakan oleh pengarang bersama dengan penggunaan perhiasan dan peralatan atau kelengkapan yang berfungsi untuk menyempurnakan serta mengindahkan pemakaian dalam sesebuah acara, majlis dan situasi tertentu yang ingin digambarkan dalam teks.

Selain itu, gambaran sesuatu busana yang dinyatakan oleh pengarang bukan sekadar hanya dinyatakan jenisnya sahaja, namun di setiap gambaran busana itu diselitkan pula dengan huraian pelbagai jenis corak, warna dan buatanya dengan penggunaan penanda yang sepadan dengan bentuk syair itu sendiri. Berdasarkan kepada pemerian dalam *NMSA*, terdapat penemuan pelbagai jenis busana yang disebut oleh pengarang dengan pelbagai bentuk dan fungsi tertentu. Sesetengah gambaran busana yang dinyatakan mengalami perubahan pada struktur nama dan sebutan seperti yang terdapat pada busana hari ini. Sebilangan nama busana tersebut masih lagi mendokong makna terhadap sesuatu busana kini, namun terdapat juga sebilangan makna perihal tersebut telah membawa perubahan kepada maksud yang lain. Sesetengah pemerian busana yang digambarkan dalam rangkap *NMSA* sudah menunjukkan kepada perubahan makna dan fungsi pada sebutan kini. Malah, sesetengah rangkap yang memerikan tentang busana juga, didapati terdapat pemerian busana yang tidak diketahui bentuk dan jenisnya. Selain itu, melalui pemerian kosa kata busana dalam syair ini juga mempunyai persamaan daripada makna dan fungsi, sementara beberapa perkataan lain pula mempunyai makna dan penggunaan yang berbeza.

Pada keseluruhannya, terdapat beratus bilangan sebutan berkaitan dengan busana yang dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu pakaian, perhiasan dan kelengkapan atau peralatan yang ditemui dalam rangkap, bait dan baris syair-syair ini. Kebanyakan

busana itu masih digunakan hingga ke hari ini, tetapi tidak kurang juga yang jarang atau tiada makna dan penggunaan yang sepadan dalam konteks perbendaharaan busana moden. Penemuan tersebut secara asasnya menggambarkan tentang keupayaan elemen busana itu sendiri dalam berhadapan dengan perkembangan fesyen semasa sama ada terus bertahan, diubahsuai mahupun digugurkan daripada fungsi dan makna oleh masyarakat hari ini. Walaupun terdapat sebutan tentang busana yang tidak lagi digunakan dalam bidang perbusanaan moden tetapi kewujudannya menunjukkan kekayaan khazanah bahasa dan busana, sebagaimana ditegaskan oleh Indirawati (1989), *Syair Agung* banyak mengekalkan unsur kekayaan perbendaharaan kata bahasa Melayu, khususnya kata-kata yang kian dilupai dan yang sudah pupus.

Begitu juga dalam seni katanya, syair ini banyak menggunakan pemerian busana dengan menggunakan kosa kata lama yang boleh digunakan untuk tujuan memperkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu atau untuk memperkayakan lagi kosa kata yang berkaitan busana apatah lagi syair ini sememangnya mempunyai nilai sejarah, seni dan pemikiran masyarakat dalam kosmologinya yang tersendiri. Istilah tentang busana yang ditemui begitu meluas dalam *NMSA*. Kekerapan penggunaan variasi perkataan busana yang digunakan dalam syair tersebut hingga ianya dapat dikategorikan atau tergambarnya di dalamnya kekayaan busana itu sendiri. Istilah berkaitan busana itu pula bukan sahaja meluas tetapi telah diolah, diguna dan diterap menjadi sebahagian struktur fizikal syair dan memberi atau mempunyai fungsi kepada pergerakan cerita atau perkisahan. Melalui struktur penghuraian syair ini, keindahan fizikal syair menggambarkan keindahan yang tersirat di sebalik kewujudan busana yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Naskhah ini memaparkan perkisahan lapisan masyarakat dalam kalangan istana dan bersamanya pula dicatatkan bersama dengan penggunaan alat budaya benda sebagai kegunaannya dan salah satunya adalah busana. Berdasarkan kajian alat budaya tersebut mempunyai kedudukan yang penting kepada masyarakat yang mendokongnya. Oleh hal yang demikian kerana, situasi yang sama kepada alat budaya dalam naskhah ini, terdapat keperluan tertentu hingga disebutkan oleh pengarang secara kerap sepanjang teks ini. Kekerapan gambaran tentang busana dalam teks membuktikan wujudnya pelbagai bentuk busana dan cara ia dipakai dan kepekaan terhadap busana yang diterima sebagai warisan budaya.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Menenal pasti jenis-jenis citra busana dalam *NMSA*.
2. Menghuraikan bahan, corak, warna dan pembuatan busana dalam *NMSA*.
3. Menganalisis fungsi busana dalam *NMSA*.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan ini dapat dijadikan bahan rujukan kepada pelajar, para budayawan, pereka fesyen serta individu yang berminat dengan sebarang nilai sejarah seperti busana agar dijadikan satu khazanah yang tidak ternilai dalam hidup. Hal ini kerana, penulisan tentang busana masih belum banyak lagi dilaksanakan. Namun begitu, terdapat daya usaha untuk mengenenghkannya dalam bentuk persembahan

ataupun pengumpulan bahan budaya benda (*material culture*) seperti yang dilakukan oleh muzium atau badan kebudayaan dan kesenian (Siti Zainon Ismail, 2009: 19).

Bagi pereka fesyen pula, dengan menghayati dan memahami pemerian busana dalam *NMSA* ini, kegemilangan busana Melayu boleh disemarakkan semula dengan sentuhan-sentuhan komtemporari tanpa menghilangkan keaslian dan ketulenannya dalam penghasilan ciptaan fesyen. Pakaian raja-raja dahulu kala telah diadun sepenuh daya oleh pengarang dahulu sehingga mampu menghasilkan sesuatu yang sempurna dan menarik. Reka ciptanya tetap utuh dan tidak mudah ditelan zaman, bahkan menjadi sumber ilham kepada pereka masa sekarang (Abbas Alias, Norwani Md. Nawawi, 2003: 39).

Kajian ini memberi pengetahuan kepada masyarakat dan negara tentang keunikan busana yang digambarkan di dalam *NMSA* serta memberi sumbangan dan input baharu kepada pembangunan fesyen negara serta kemajuan penyelidikan di negara ini. Maklumat yang terkandung di dalamnya bukan hanya boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dan tempatan sahaja, bahkan juga di peringkat antarabangsa. Pemerian tentang busana dan pemakaian masa dulu yang dianalisis dalam kajian ini menjadi inspirasi kepada sesebuah institusi dalam negara seperti pereka fesyen, pengusaha batik, pembekal kain dan generasi sekarang menghayati dan menghargai seni pemakaian dan tekstil yang diperikan sebagai satu warisan yang tinggi nilainya.

Pencerminan falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu umumnya membolehkan pembaca menilai kembali keunggulan keperibadian bangsa Melayu yang terdahulu dalam menghasilkan karya. Bukan itu sahaja, malah melalui pemerian tentang busana dalam naskhah Melayu juga mampu membawa masyarakat pembaca untuk lebih mengenali bangsa Melayu itu sendiri melalui pancaran falsafah dan pemikiran yang terungkap dalam teks naskhah Melayu tersebut.

Seterusnya, penelitian juga amat penting kepada bidang kesusasteraan tanah air terutamanya dalam mengangkat dan memartabatkan lagi karya-karya kesusasteraan Melayu tanah air khususnya naskhah Melayu. Dengan adanya penyelidikan dan penelitian seperti ini akan mampu mengangkat naskhah Melayu sebagai sebuah hasil karya kesusasteraan yang termuat dalam pelbagai ciri dan keistimewaannya tersendiri. Segala nilai seni dan keindahannya termasuk yang luaran dan dalaman akan mampu membuka minda masyarakat Melayu dalam menilai sendiri keistimewaan naskhah Melayu supaya warisan generasi kelak dan terus menjadi bahan kajian yang akan terus ditelusuri. Selain itu, kajian ini juga mampu memperkenalkan warisan tradisional kepada masyarakat supaya gambaran busana yang terdapat di dalamnya mampu memberikan inspirasi ke arah pembaharuan pada masa depan.

Di samping itu, kajian ini dapat menyumbang kepada penambahan bilangan kosa kata busana yang kian dilupai dalam arus permodenan busana kini. Sumbangan ini adalah suatu perkara yang amat berharga kerana ia dapat memartabatkan dokumen warisan budaya benda masyarakat yang disanjung suatu ketika dahulu.

Naskhah Melayu sebagai warisan bangsa seharusnya dihargai dan dihayati oleh seluruh masyarakat. Bukan sahaja naskhah Melayu perlu dikesan dan dikumpul untuk keselamatannya, tetapi tindakan susulan untuk menyebarkan warisan ilmu yang terkumpul dalam naskhah Melayu perlu dijalankan dengan tersusun. Dengan demikian,

lebih ramai masyarakat zaman ini mengenali dan menghayati warisan ilmu bangsa Melayu. Selain itu, kajian ini diharapkan sebagai langkah yang sesuai untuk meningkatkan pengkajian terhadap naskhah Melayu terutama dalam aspek berkaitan busana ini daripada ditelan arus kemodenan. Pada waktu yang sama, semoga kajian ini menjadi landasan ke arah melahirkan lebih banyak kritikan terhadap genre puisi Melayu tradisional tanah air khususnya dalam syair-syair Melayu. Penyelidikan dan penelitian terhadap aspek-aspek luaran dan dalaman karya mampu menghasilkan lebih banyak kritikan terhadap hasil-hasil kesusasteraan khususnya karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional ini.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini adalah tentang citra atau gambaran busana yang terdapat dalam *NMSA*. Tumpuan kajian adalah meliputi kepada jenis-jenis busana yang dipaparkan dalam naskhah dan menghuraikan jenis-jenis busana tersebut kepada corak, warna serta pembuatan busana tersebut. Seterusnya, kajian dilakukan dengan mengalisis fungsi sesuatu busana tersebut kepada masyarakat dalam *NMSA*. Analisis kajian ini melibatkan rangkap-rangkap syair yang menggambarkan tentang pemerian busana dan cara gambaran pemakaian busana dalam sesuatu upacara atau adat istiadat.

Sumber data dalam kajian ini ialah *NMSA* yang diselenggarakan oleh Zahir Ahmad, diterbitkan pada tahun 1991 dan mempunyai 668 halaman. Teks *NMSA* ini adalah yang ditransliterasikan oleh Zahir Ahmad daripada tulisan jawi pada manuskrip tunggal yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan naskhah yang ditransliterasikan daripada teks asal yang ditulis dalam huruf rumi dengan ejaan baharu dan dikekalkan ciri-ciri khas yang ada pada teks asal. Naskhah ini diselenggarakan oleh Zahir Ahmad dengan kerjasama Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Manuskrip ini telah ditranlitterasikan oleh Zahir Ahmad dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya untuk disertasi Sarjana Sasteranya yang bertajuk, "Syair Agung: Analisis Perbandingan dan Penurunan Teks pada tahun 1986.

Syair Agung adalah puisi Melayu tradisional yang terpanjang di dunia (Zahir Ahmad, 1995: 23) yang mempunyai jumlah rangkap sebanyak 934 dan naskhah asal syair ini ada tersimpannya di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur dengan nombor rujukan MS 20. Naskhah ini terdapat dalam tiga jilid iaitu jilid pertama mengandungi 408 halaman, jilid kedua 307 halaman dan jilid ketiga 281 halaman serta mempunyai jumlah halaman keseluruhan sebanyak 996 merangkumi 9,341 bait syair (Zahir Ahmad, 1986: 23). Manakala ukuran naskhah syair ini pula ialah 21 sm x 17 sm (Zahir Ahmad, 1991: 3).

1.6 Definisi Operasional

Bahagian berikut ini adalah bertujuan menyenaraikan beberapa definisi yang berkaitan dengan bidang kajian. Tujuan utama definisi ini adalah untuk memberi penjelasan tentang sesuatu takrifan atau makna khusus daripada sumber penting dalam penyelidikan ini.

1.6.1 Citra

Pada dasarnya definisi atau pengertian citra telah banyak dikemukakan para ahli atau pakar, antara lain iaitu seperti Huddleston dalam Buchari Alma (2008: 55) yang memberikan definisi atau pengertian citra dengan mengatakan sebagai "Image is a set beliefs the personal associate with an image as acquired through experience". Pengertian Huddleston itu menyatakan bahawa citra adalah serangkaian kepercayaan yang dihubungkan dengan sesebuah gambaran yang dimiliki atau didapati daripada pengalaman. Sesebuah gambaran yang diperolehi dari hasil pengalaman seseorang pengarang mampu menghasilkan sebuah hasil yang memuatkan sesuatu perihal yang berguna. Busana merupakan hasil ciptaan yang paling hampir dengan masyarakat termasuklah juga pengarang. Melalui pengalaman melihat keberhasilan busana dan pemakaian dengan mengaitkan kewujudan alam diolah bersama dalam hasil karya mampu melahirkan keindahan pada sesuatu yang ingin digambarkan oleh pengarang. Frank Jefkins dalam Soleh Soemirat dan Elvinaro Adrianto (2007: 114) mendefinisi citra sebagai kesan seseorang atau individu tentang sesuatu yang muncul sebagai hasil dari pengetahuan dan pengalamannya. Dalam hal ini, pengalaman dan pengetahuan pengarang mengenai sesuatu perihal busana itu menjadikan pengarang *NMSA* mampu mengungkapkannya dalam sesebuah hasil karya. Tanpa pengetahuan dan pengalaman, tidak mungkin seseorang pengarang itu mampu melahirkan hasil karya yang bermutu pada khalayak pembacanya.

Sesungguhnya istilah citra ini sangat unik, kerana mengandungi pengertian yang amat subjektif iaitu citra sama maknanya dengan gambar atau rupa. Justeru citra memainkan fungsi bagi menggambarkan satu sensasi melalui proses yang disebut pengalaman yang lalu, mengenai sesuatu yang menarik dan yang mereka alami. Bahkan kerana fungsinya yang penting itu, maka citra dapat dianggap sebahagian pokok atau teras dari pengertian dalam karya sastra (*Glosari Istilah Sastra*, 1988: 25).

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 283) mendefinisikan citra itu sebagai bahasa sastra lama yang membawa maksud kepada gambar, lukisan, arca, gambaran imej tentang peribadi seseorang, barangan, organisasi dan lain-lain. Dalam *NMSA*, gambaran imej tentang busana diperikan bersama dengan pemerian gambaran dalam sesebuah upacara dan aktiviti beserta dengan gambaran institusi yang terlibat berdasarkan kepada pemerian dalam syair itu. Manakala *Kamus Melayu Nusantara* (2003: 498) turut mendefinisikan citra itu sebagai gambaran yang dimiliki oleh orang ramai mengenai peribadi, perusahaan, organisasi, barangan (produk), imej, gambaran gambar, lukisan, rupa, serta kesan mental atau bayangan visual yang ditimbulkan oleh sebuah kata, frasa atau ayat (kalimat) dan merupakan unsur dasar yang khas dalam karya prosa dan puisi

Apabila dikaitkan dengan penciptaan puisi, maka citra boleh difahami sebagai gambaran atau asosiasi (pertalian) idea dalam karya puisi. Hal ini demikian kerana bertepatan dengan pendapat Ezra Pound (Rene Wellek dan Austin Warren, 1970: 216) yang menyatakan citra sebagai gambaran yang mampu melahirkan kesan intelektual dan perasaan kompleks melalui keserasian idea yang padu untuk disampaikan kepada pembaca.

Oleh hal yang demikian, istilah citra itu sesuai digunakan bagi menggambarkan tentang sesuatu perkara dan gambaran yang tercipta tentang busana yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam naskhah ini. Malahan setiap yang diungkapkan oleh pengarang

itu merupakan daripada imaginasi, pengalaman dan pemerhatian pengarang itu sendiri lalu disalurkan dalam karyanya untuk dihayati oleh khalayak.

1.6.2 Busana

Busana didefinisikan oleh *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1996: 959) sebagai “sesuatu yang dipakai”. Perkara ini sudah tentunya merujuk kepada sesuatu bahan atau benda yang digunakan untuk menutup bahagian-bahagian tertentu pada anggota badan. Misalnya masyarakat primitif, menggunakan beberapa helai daun untuk menutup sebahagian daripada anggotanya dan kemudiannya diperkembangkan dengan penggunaan kulit-kulit binatang serta seterusnya beberapa bahan alam semulajadi terutamanya jenis tumbuh-tumbuhan. Manusia berinteraksi secara langsung dengan alam persekitaran dan melalui alam persekitaran inilah manusia menterjemahkan bahan-bahan semulajadi ke dalam bentuk kesenian sama ada seni persembahan mahupun seni rupa. Busana merupakan salah satu daripada aspek seni rupa yang dimaksudkan dan ia dicipta bukan sekadar untuk menutup bahagian-bahagian tertentu pada badan, namun ia digunakan juga untuk melindungi diri daripada perubahan cuaca dan iklim semasa dunia. Busana yang dimaksudkan itu hanya membawa kepada aspek pakaian sahaja tanpa meliputi perhiasan dan peralatan atau kelengkapan lain. Manakala *Kamus Melayu Nusantara* (2003: 412) pula, mendefinisikan busana itu sebagai pakaian dan juga perhiasan. Definisi kamus tersebut tidak meletakkan peralatan atau kelengkapan itu sebahagian daripada busana.

Mengikut Mohd. Rosli Saludin (2004: 1), anggapan tentang busana adalah pakaian yang terdiri daripada baju dan kainnya, di samping barang-barang kemas, peralatan solek dan hiasan kepala. Konsep ini membawa maksud bahawa busana itu pakaian dan perhiasan sahaja. Dalam pengkategorian itu, baju dan kain terdiri daripada pakaian, manakala barang-barang kemas, peralatan solek dan hiasan solek itu dikelaskan sebagai barang perhiasan.

Menurut buku *Busana Melayu Johor* oleh Siti Zainon Ismail (1997: ix), busana berasal daripada bahasa Jawa Sanskrit yang bererti berpakaian lengkap dengan perhiasan yang sempurna dan indah dipandang. Dalam konteks tradisi agung Melayu, telah dikenali estetika pakaian cara Melayu yang diamalkan sejak dari dahulu lagi. Bertepatan dengan itu pula, perkataan busana juga membawa makna memakai dengan teratur, beretika, bersopan santun dan gemilang sesuai dengan adat dan suasana budaya.

Menurut beliau juga, dalam pemakaian busana Melayu tidak terbatas kepada pemakaian kain dan baju sahaja malah ia juga adalah kelengkapan adat istiadat masyarakat untuk memenuhi kehidupan nilai, norma dan keindahan budaya Melayu.

Menurut pandangan Barat pula, busana adalah mengenai alat pakaian dan barang-barang hiasan yang digunakan sebagai fesyen. *The Oxford Illustrated Dictionary* (1975: 192) mentakrifkan busana seperti yang berikut:

“Mode or fashion of personel attire and dress of a particular nation, class or period, complete set of outer garments, jewellery, artificial or semi-precious jewellery worn as fashion accessory v.e provide with costume”.

Dalam *Webster's Seventh New Collegiate Dictionary* (1966: 189), busana diartikan dengan baju dan pakaian perhiasan yang digunakan di dalam sesuatu masa, mengikut negeri, dan juga status. Busana juga dianggap hanya sebagai satu fesyen yang melambangkan ciri-ciri suatu masa, negara dan bangsa.

"The prevailing fashion in coiffure jewelry and apparel of period, countr or class, a suit of dress characteristic of period, country or class, a person's ensemble of outer garments eap. A women's enable of dress with coat or jacket".

Dalam buku *Rupa dan Gaya Busana Melayu* (2006), yang ditulis oleh Azah Aziz meletakkan takrif busana itu terdiri kepada tiga kategori iaitu pakaian, perhiasan dan juga peralatan dan kelengkapan. Berdasarkan kepada pengkategorian yang dilakukan, beliau menjadikan rujukan kepada sastera Melayu klasik istimewanya hikayat, syair, pantun, gurindam, ungkapan, risalah dan makalah yang menjadi bacaan kegemaran beliau. Tidak ketinggalan juga pelbagai buku rujukan lain mengenai tekstil dan busana umumnya, termasuk kamus-kamus lama. Sebahagian yang lain pula adalah dari ingatan serta pengalaman yang telah beliau lalui dari zaman kanak-kanak dan remaja hingga ke usia beliau masa itu.

Berdasarkan definisi yang diberikan itu, dapatlah ditakrifkan bahawa busana itu meliputi kepada pakaian, perhiasan dan sesuatu peralatan atau kelengkapan. Tanpa ketiga-tiga elemen tersebut tidak mampu melengkapkan pemakaian busana itu. Melalui kegunaan ketiga-tiga jenis elemen tersebut, lahirlah busana yang perbagai rupa dan bentuk disesuaikan mengikut keadaan dan tempat dalam situasi tertentu. Unsur-unsur falsafah dalam busana orang Melayu mencerminkan identiti yang menggambarkan amalan, kebiasaan dan perlakuannya. Pada masa dahulu, busana melambangkan status di antara raja, pembesar dan rakyat. Raja sebagai ketua pemerintah mesti mempunyai sesuatu yang luar biasa terutamanya dalam pakaian, perhiasan, mahupun peralatan. Manakala definisi yang diberikan oleh pemikir-pemikir Barat hanya mentakrifkan busana dalam bentuk tersirat sahaja iaitu melihat busana itu dalam bentuk baju dan alat perhiasan yang dipakai.

1.6.3 Citra Busana

Citra Busana adalah kepelbagaian busana yang berkaitan dengan pakaian, perhiasan dan peralatan atau kelengkapan yang disentuh oleh penyair melalui jenis busana, corak, dan cara pemakaian. Kepelbagaian gambaran busana dalam *NMSA* ini mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat terhadap sesuatu upacara atau majlis. Hal ini demikian kerana, kepelbagaian seseorang mengenakan busana dalam sesuatu majlis atau upacara akan menggambarkan keperibadian dirinya. Pengayaan busana itu pula haruslah disesuaikan dengan pada masa, tempat dan keadaan tertentu. Dalam *NMSA*, pemerian busana dalam rangkainya adalah berperanan semasa dalam majlis yang formal dan melibatkan golongan masyarakat tertentu. Citra Busana termasuklah menghasilkan keindahan, menjelaskan motif atau pemikiran pengarang, membentuk *formalistic features/identity*. *NMSA* ini sendiri, memvisualkan latar peristiwa, masa dan tempat melalui hubungannya dengan memerikan busana tertentu sebagai peralatan penting yang digunakan dalam kehidupan. Kepentingan busana diperikan dalam setiap

babak cerita yang dihasilkan dan kepelbagaian busana itu diindahkannya lagi dengan pelbagai bentuk, warna, jenis dan kegunaannya mengikut fungsinya yang tertentu. Walaupun pembaca tidak dapat melihat secara realiti akan sesuatu busana yang digambarkan oleh pengarang, namun melalui pengalaman estetik seseorang itu mampu membawa pembaca menghayati keindahan busana itu di samping dapat menghayati juga dengan kepelbagaian keindahan dan jenis cara pemakaian tersebut.

1.6.4 Syair

Syair merupakan suatu bentuk puisi Melayu tradisional yang sangat popular. Kepopularan syair bersandar pada sifat penciptaannya yang berdaya melahirkan bentuk naratif atau cerita, sama seperti bentuk prosa, yang tidak dipunyai oleh pantun, seloka atau gurindam. Syair dikatakan berasal daripada Arab berdasarkan kepada bentuk kata atau istilahnya. *Kamus al-Mahmudiyah* (Syed Mahmud Abdul Kadir, 1934: 159) memberikan makna kata syair sebagai “karangan empat baris yang sama sajak (s-j-?) pada akhir keempat-empat ayat dan sama pertimbangan perkataannya. Daripada konteks tersebut, dapat difahami bahawa yang dimaksudkan dengan sajak (s-j-?) ialah persamaan bunyi akhir pada tiap-tiap baris atau rawi. Tentu sahaja keterangan yang terdapat dalam *Kamus al-Mahmudiyah* sangat ringkas, kerana penyusun kamus ini menyedari bahawa semua orang Melayu pasti tahu apa itu syair (Siti Hawa Haji Salleh, 2005: 1). Walau bagaimanapun, bentuk syair Melayu berlainan sekali daripada bentuk syair dalam kesusasteraan Arab (Mohd. Yusof Md. Nor dan. Rahman Kaeh, 1985: iii). Manakala Muhd. Mansur Abdullah (1991: 109) menegaskan bahawa, walaupun syair bukanlah hak mutlak atau kepunyaan bangsa Melayu, namun memandangkan kewujudannya yang sudah berakar umbi di alam Melayu sejak sekian lama, maka kehadirannya telah dianggap dan diterima oleh orang Melayu sebagai puisi tradisi mereka.

Mengikut Harun Mat Piah (1989: 210) para pengkaji yang meneliti syair bersepakat menyatakan bahawa syair berasal daripada bahasa Arab iaitu *sy'r* yang umumnya adalah merujuk kepada pengertian puisi dalam apa-apa jua jenisnya seperti yang difahami dalam istilah Inggeris iaitu *poem* atau *poetry*. Sementara itu, dalam bahasa Arab, kata *sy'r* yang melahirkan kata *syair* dengan membawa maksud penulis atau pencipta puisi, penyair atau penyajak.

Para pengkaji yang pernah meneliti syair sebulat suara menyatakan bahawa kata itu berasal daripada perkataan Arab *sy'r* yang secara umum merujuk puisi dalam apa-apa jua jenis seperti yang difahami dengan kata Inggeris *poem* atau *poetry* (Harun Mat Piah, 1989: 210). Dalam bahasa Arab, kata *sy'r* ini melahirkan kata *syair* dengan membawa maksud penulis atau pencipta puisi, penyair atau penyajak.

Rangkap dalam sesebuah syair adalah merujuk kepada susunan kata dalam baris yang akan mewujudkan bilangan baris sebanyak empat baris dalam satu rangkap. Dalam syair, setiap rangkap syair itu terdiri daripada empat baris serangkap dan hal ini bermakna tiap-tiap satu rangkap syair mengandungi jumlah baris yang tetap. Manakala setiap baris pula mengandungi empat hingga lima patah perkataan sebaris dan suku kata syair dalam sebaris ialah di antara lapan hingga sepuluh jumlah suku kata. Dari segi rima akhir pula, syair mempunyai skema rima akhir baris a-a-a-a dalam setiap rangkapnya. Setiap satu rangkap dalam syair memerlukan beberapa rangkap syair yang berurutan untuk memberi idea yang lengkap. Dengan kata lain, syair dari satu rangkap

ke satu rangkap adalah satu pernyataan yang berlarutan bagi mengemukakan cerita, kisah, buah fikiran, nasihat dan puji-pujian. Oleh kerana itulah, penghasilan sesuatu syair mestilah mempunyai awalan dan akhirnya. Keragaman dari segi bilangan suku bilangan baris, suku kata, perkataan dan rima akhir dalam satu rangkap syair jelas menunjukkan syair menekankan kepada kecantikan atau keindahan bahasa. Menurut Za'ba (1965: 218), menjelaskan bahawa struktur dan bentuk sesuatu puisi seperti yang diistilahkan oleh beliau iaitu karangan berangkap, iaitu seperti katanya berikut:

Karangan berangkap itu ialah karangan yang disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat dan antara sekerat dengan sekerat itu biasanya berjodoh bunyi dan rentaknya, atau isinya, serta kebanyakan memakai timbangan atau sukatan tertentu.

Penelitian Za'ba ini secara jelas memberikan ciri-ciri puisi (termasuklah syair yang merangkumi sebagai puisi tradisional), daripada sifat-sifat abstrak dalam sesebuah rangkap seperti kecantikan estetik dan keindahan yang digambarkan secara tersirat manakala melalui bahasa yang indah digambarkan secara tersurat.

Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan pada rangkap syair yang memerikan tentang busana yang berkaitan melibatkan masyarakat dalam sesuatu upacara atau kehidupan seharian. Rangkap syair dalam naskhah ini didapati mengandungi empat baris (larik) dalam satu rangkap dan dalam sesetengah rangkap yang dijumpai didapati juga terdapat enam baris dalam satu rangkap. Hal ini demikian kerana, mungkin pada asalnya keseluruhan syair ini sememangnya mengandungi empat baris dalam satu rangkap, namun mungkin disebabkan kepada kehilangan pada naskhah asal, mengakibatkan penyalinan naskhah ini tidak dapat mengenal pasti baris syair pada rangkap itu, dan disalin dengan menjadikannya dengan satu rangkap mengandungi enam baris. Berdasarkan kepada rangkap syair dalam naskhah ini, pengkaji mendapati terdapat banyak tentang pemerian busana yang digunakan oleh masyarakat dalam syair ini dan hampir setiap aktiviti yang dinyatakan dalam syair turut diperikan tentang penggunaan busana pelbagai busana sebagai pelengkap pemakaian.

1.7 Rumusan

Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendefinisian yang telah diberikan oleh setiap patah kata yang dijadikan sebagai tajuk kajian ini menunjukkan bahawa gambaran kepelbagaian busana dalam sesebuah karya itu mampu menghasilkan kepelbagaian tentang busana dari jenis dan bentuk yang tertentu. Malahan, setiap gambaran busana yang syair tersebut mempunyai fungsinya yang tertentu kepada masyarakat dalam teks. Gambaran yang jelas terhadap sesuatu busana dalam syair ini mampu dihayati oleh khalayak kerana banyak mengandungi pengalaman, imaginasi dan pemerhatian pengarang itu sendiri yang diterapkan dalam hasil karyanya. Melalui pengalaman, imaginasi dan pemerhatian inilah, maka lahirnya gambaran atau citra tentang sesuatu yang ingin disampaikan oleh pengarang. Ditambah pula dengan adunan idea yang bernas dalam menerapkan setiap penanda busana dalam syair ini menjadikan gambaran tentang sesuatu yang ingin disampaikan turut mengalami keindahannya yang tersendiri walaupun tidak mampu dihayati, dipegang mahupun dilihat oleh khalayak.

BIBLIOGRAFI

- Abbas Alias, Norwani Nawawi. (2006). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Abdul Kadir Munsyi. (1960). *Hikayat Abdullah*. Singapura: Malay Publishing House.
- Abdul Latif Abu Bakar. (2004). *Busana Melayu Serumpun*. Melaka: Institut Seni Malaysia.
- Abdul Malik, Tenas Effendy, Hassan Junus, & Auzar Thaher. (2004). *Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu serta penerbit Adita.
- Abdul Mutalib Abdul Ghani. (1991). *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Kaeh. (1974). *Hikayat Misa Taman Jayeng Kusuma: Sebuah Cerita Panji Melayu. Tesis M.A.* Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Kaeh. (1976). *Hikayat Misa Taman Jayeng Kesuma*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Malik, Tenas Effendy, Hassan Junus, & Auzar Thaher. (2004). *Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau*. Yogyakarta: Adicita.
- A. Ghani Ismail. (1976, Januari 11). *Syair Agung Nashkah Ramayana Bahasa Melayu: Kisah Cinta dan Air Mata. Utusan Zaman*, 11.
- A. Ghani Ismail. (1976, Januari 11). *Is Syair Agung? A Version of Ramayana?. The Sunday Mail*, 14.
- Ali Ahmad. (1979). *Hikayat Inderaputera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ali Mudin Hassan. (1964). *Hikayat Terong Pipit*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Alias Hj. Yusuf. (Julai, 1979). *Kain Songket: Seni Tenunan Bermutu Tinggi. Dewan Budaya*, 10-11.
- Alwi & Hassan. (2003). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Amida @ Hamidah Hj. Abdulhamid. (1995). *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amida @ Hamidah Hj. Abdulhamid. (2005). *Melihat Syair Siti Sianah Sebagai Wahana Keindahan*. Dlm. Rohayah A. Hamid & Wahyunah Abd. Gani (Peny.), *Pandangan Semester Melayu Syair* (hlm. 61-74). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- A.Rahim Abdullah. (1995). *Pemikiran Sasterawan Nusantara: Suatu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'ie Sujud. (1999). Estetika dalam Lirik Lagu P. Ramlee. *Tesis M.A.* Universiti Putra Malaysia.
- Arba'ie Sujud, & Madiawati Mamat @ Mustaffa. (2011). Perkara (Matter) dalam Perisian Cerita Unggas 1: Dari Perspektif Model Persepsi Estetika. *Jurnal Pengajian Melayu*. 22, 45-65.
- Arbai'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, & Asiah Abdul Rahman. (2008). *Sastera Melayu Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press.
- Arba'iyah Abdul Aziz. (2010). Symbolisme dalam Motif-Motif Songket Melayu Terengganu. *Jurnal Inti Perintis*, 18(1), 11- 25.
- Arbak Othman. (1999). *Kamus Bahasa Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Arkib Negara Malaysia. (2011). *Umpama Sebuah Bahtera Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Terbitan Arkib Negara.
- Arney & Sarah. (2008). *Malaysian Batik Creating New Traditions*. Kuala Lumpur: The Malaysian Handicraft Development Corporation.
- Asep Ahmad Hidayat. (2006). *Filsafat Bahasa Mengungkap Hakikat Bahasa, Makna, dan Tanda*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Azah Aziz. (1995). Seni Pakaian Melayu di Semenanjung Malaysia. Dlm. Ismail Hussein, A. Aziz Deraman, & Abdul Rahman Al-Ahmadi (Peny.), *Tamadun Melayu Jilid Lima* (hlm. 2022-2034). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azah Aziz. (2006). *Rupa dan Gaya Busana* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A.Wahad Ali. (2000). *Kritikan Estetika Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bazrul Bahaman. (2004). Pakaian dalam Puisi Melayu Tradisional. *Seminar Busana Melayu Serumpun*. Melaka, 13 April 2004.
- Bernand Bosanquet. (1956). *A History of Aesthetic*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky. (1992). Erti Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu. *Dewan Sastera*, 32.
- Brooke M. (1986). *The Life of Margerat in Sarawak*. Singapura: Oxford University Press.
- Buchari Alma. (2008). *Manajemen Pemasaran dan Pemasaran Jasa*. Bandung: Alfabeta.

- Carpenter. (1966). *Discontinuity in Greek civilization*. Cambridge: University of Cambridge.
- Crowfoed J. (1967). *History Of The Indian Archipelago*. London: Frank Class.
- Dewa Made Pastika. (2009). *Kajian Estetis Seni Lukis Gaya Pita Maha*. Denpasar: Department Pendidikan Nasional.
- Dharsono. (2007). *Estetika*. Bandung: Rekayasa Sains.
- Dickie and George. (1971). *Aesthetics: An Introduction*. New York: Pegasus.
- Eman. (2008). *Perhiasan Diri*. Kuala Lumpur: Penerbit Cipta Publishing.
- Egusti Ef. Marthala. (2000). Tradisi dan Perubahan Busana Pengantin Minangkabau Di Kota Padang. *Projek Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Eco & Umberto. (1988). *The Aesthetics of Thomas Aquinas*. London: Radius.
- Encyclopedia Americana. (1972). New York: Americana Corp.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (ESKM). (April, 2007). Pakaian Melayu. *Dewan Siswa*, 44-45.
- F. Rosenthal (terj.). (1958). *Political Thought in Medieval Islam*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Glosari Istilah Sastera*. (1988). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gullick, J. M. (1989). *Malay Society in The Late Nineteeth Century*. Singapura: Oxford University Press.
- G. William Skinner. (1959). *Local, Ethnic, and National Loyalties in Village Indonesia: A Symposium*. New Haven: Yale University, Southeast Asia Studies.
- Harun Mat Piah. (1980). *Cerita-cerita Panji Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Ismail. (2005). Keindahan Syair Bidasari: Dualisme yang Indah. Dlm. Rohayah A. Hamid, & Wahyunah Abd. Gani (Peny.), *Pandangan Semester Melayu Syair* (hlm. 61-74). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haziyah Hussin. (2004). Peranan Songket dalam Perkahwinan Melayu. *Jurnal Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia*, 17, 33-50.

- Haziyah Hussin. (2006). *Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husin Embi, Haron Hj. Kidam, & Mokhtar Md. Yasin. (1996). Adat Istiadat Perkahwinan di Melaka. Dlm. Zainal Abidin Borhan, Zainal Kling, Norazit Selat, & Mohd. Ramli Raman (Ed.), *Adat Istiadat Melayu Melaka* (hlm. 55-102). Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Indirawati @ Indrawati Zahid. (1989). "Penelitian Kosa Kata dalam Syair Agung". *Projek Ilmiah*. Universiti Malaya.
- Imran Teuku Abdullah. (1991). *Hikayat Meukuta Alam: Suntingan Teks dan Terjemahan beserta Telaah Struktur dan Resepsi*. Jakarta: Intermedia.
- Ismail Hamid. (1995). Adat Istiadat Melayu Warisan Budaya Peribumi. Dlm. Hanapi Dollah, & Lokman Mohd. Zen (Ed.), *Kebudayaan Melayu di Ambang Abad Baru Satu Himpunan Makalah* (hlm. 89-94). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hussein. (1975). Ramayana in Malaysia. *International Seminar on the Ramayana Tradition in Asia*. New Delhi, 12 December 1975.
- Jakob Sumardjo & Saini K.M. (1986). *Apresiasi Kesusastraan*. Jakarta: Gramedia.
- Jelani Harun. (2010). *Perbandingan Adat Istiadat Kesultanan Melayu-Jepun Berdasarkan Nashkah Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. (1994). *Kamus Bahasa Melayu Klasik*. Kuching: Gaya Media Sdn. Bhd.
- Jerome Stolnitz. (1965). *Aesthetics*. New York: Mc Millan Company.
- Jessie, Coulson. (1976). *The Oxford Illustrated Dictionary*. Oxford: Clarendon Press.
- Jim Supangkat & Rizki Akhmad Zaelani. (2006). *Ideocracy: Rethinking the Gegime of Etching*. Indonesia.
- Junaidah Salleh, Mokhtar Ahmad, & Nor Azmah Shehidan. (peny.). (1988). *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. (2003). Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. (1995). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Melayu Global*. (2006). Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.

- Kamus Melayu Nusantara*. (2003). Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Peribahasa Temporari Edisi Kedua*. (2005). Bentong: PTS Professional Publishing.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. (2005). *Koleksi Terpilih Siri 111 Emas dan Perhiasan*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, Malaysia.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Malaysia. (2009). *Citra Busana Tradisional Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Malaysia.
- Ku Sheue Ni. (1996). *Busana Pengantin Melayu: Satu Kajian Nilai Budaya di Kedah. Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kusumowati & Juliani. (2002). *Busana Seni dalam Skripsi*. Surakarta: Fakultas Sastra dan Seni Rupa Universitas Sebelas Maret.
- Koentjaraningrat. (1970). *Pengantar Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lode Frank Brake. (1988). *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia, Jabatan Muzium dan Antikuiti. (1998). *Busana Campa: Rumpun Melayu di Vietnam*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- M. Habib Mustopo (Peny.). (1983). *Manusia dan Budaya Kumpulan Essay Ilmu Budaya Dasar*. Surabaya: Usaha Nasional.
- Michael Hitchcock. (1985). *Indonesian Textile Techniques*. England: Shire Publications.
- Michael Keene. (2006). *Agama-Agama Dunia*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Mohd. Kamil Mohd. Ali. (2009). *Citra Busana Tradisional Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Malaysia.
- Mohd. Johari Ab. Hamid. (2004). *Falsafah dan Kritikan Seni*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Kassim Hj. Ali. (1990). *Barang Kemas Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nefi Imran. (2004). Estetika dan Etika Busana Melayu Serumpun: Satu Perbandingan. *Seminar Busana Melayu Serumpun*. Melaka, 13 April 2004.
- Mohd. Rosli Saludin. (2004). *Citra Busana dalam Teromba. Seminar Busana Melayu Serumpun*, Melaka, 13 April 2004.

- Mohd. Taib Osman (Peny.). (1989). *Masyarakat Melayu Struktur Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Said Haji Sulaiman. (1931). *Pakai Patut Melayu*. Johor Baharu: Matbaat al-Attas.
- Mohd. Said Sulaiman. (2008). *Pakai Patut Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Taib Osman. (2007). *Cerita Lipur Lara Tuturan Mir Hassan dan Pawang Ana*. Kuala Lumpur: Terbitan Karyawan.
- Mohd. Yusof Md. Nor & Abdul Rahman Kaeh. (1985). *Puisi Melayu Tradisi*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Moles, Abraham A. (1966). *Information Theory and Esthetic Perception*. Urbana: University of Illinois Press.
- Mubbin Sheppard. (1980). *Mekarnya Seni Pertukangan Malaysia*. Kuala Lumpur: Eastern Universities Press.
- Mudji Sutrisno. (2006). *Oase Estetis: Estetika dalam Kata dan Sketza*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Muhammad Haji Salleh. (1989). *Puitika Sastera Melayu: Suatu Pertimbangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (1997). *Sulalat al-Salatin Ya'ni Pertetusan Segala Raja-Raja Karangan Tun Seri Lanang*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Mansur Abdullah. (1991). *Puisi Melayu Klasik*. Petaling Jaya: Oscar Book International.
- Mun Wah Chong. (1997). *Kamus Etimologi Bahasa Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Norazit Selat. (1996). Kaedah Penyelidikan Adat Istiadat. Dlm. Zainal Abidin Borhan, Zainal Kling, Norazit Selat, & Mohd. Ramli Raman (Ed.), *Adat Istiadat Melayu Melaka* (hlm. 14-20). Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Noor Azimah Abdullah. (2000/2001). Pakaian Melayu Tradisi: Satu Analisis Transformasi Sejak Dahulu Hingga Kini. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaya.
- Norwani Mohd. Nawawi. (2002). *Songket Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norhayati Ab. Rahman. (2009). Adat dan Istiadat dalam Sastera Sejarah Sebagai Peneguhan kepada Ketuanan dan Kekuasaan Raja Melayu. *Seminar Kebangsaan Kekuasaan dalam Sastera Melayu Nusantara*. USM, 25 Julai 2009.
- Othman Mohd. Yatim, Zainal Abidin Borhan, Mohammad Nazri Ahmad, & Mohamad Anis Abdul Samad. (2006). Estetika dan Keindahan Songket Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 1-15.
- Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rahman Shaari. (2002). *Kamus Kata Klasik: Panduan Kajian Prosa Klasik dan Puisi Tradisional*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Raja Masittah Raja Arifin. (Ogos, 1992). Kosa Kata Pemakaian Pakaian Tradisional Melayu. *Pelita Bahasa*, 26- 27.
- Ramlah, Rohani, & Sharifah Alwiah. (2003). *Busana Melayu Melaka Warisan Bangsa*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Reese, William. L. (1980). *Dictionary of Philosophy and Religion*. Sussex: Harvester.
- Rene Wellek & Austin Warren. (1970). *Theory of Literature*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Richards I. A. (1925). *Principle of Literary Criticism*. New York: A. Harvest Book.
- Richards I. A, Ogden C.K & Wood James. (1974). *The Foundation of Aesthetics*. New York: Haskel House Publishers.
- R. O. Winstedt. (1970). *Kamus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur & Singapore: Merican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Sahlan Mohd. Saman. (1996). Hikayat Lipur Lara Melayu: Melihat Konsep dan Patriotisme. *Pangsura*, 2(2), 67-74.
- Samandjaja (Peny.). (1953). *Art and Social Life*. Moscow: Foreign Languages Publishing House.
- Samandjaja. (1956). *Hubungan Estetik Seni dengan Realitet Terijenshan Samandjaja*. Jakarta: Lembaga Kabudajaan Rakjat.
- Sarjit Singh. (Mac, 2002). Krisis Identiti dan Budaya Sikh. *Dewan Budaya*, 40.
- Shahrani Hj. Abdullah. (2005). Hala Tuju Melayu Dalam Perwarisan Seni. *Warisan Melayu Seminar Warisan Seni Bangsa: Bicara Warisan Khazanah Jiwa*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UITM.

- Shahrur Yub. (2006). *Mata Keris dan Bentuknya*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Shellabear, W. G. (1957). *Hikayat Seri Rama*, Kuala Lumpur: Caxton Press.
- Siti Nor Azura Abdul Wahid. (2002). *Kamus Bahasa Melayu Klasik*. Ampang: Maju Jaya Indah Sdn. Bhd.
- Siti Hawa Salleh. (1973). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Siti Hawa Salleh. (2005). Suatu Perbincangan tentang Sejarah dan Asal Usul Syair. Dlm. Rogayah A. Hamid & Wahyunah Abd. Gani (Pnyt.), *Pandangan Semesta Melayu Syair* (hlm. 133–152). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. (1987). Seni Cipta Malaysia- Indonesia: Satu Tanggapan Sastera dalam Seni Budaya Nusantara. *Jurnal Sari* 5, 121- 132.
- Siti Zainon Ismail. (1989). *Percikan Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. (1991). Konsep Pakaian Cara Melayu: Satu Kajian Analisis Budaya Benda. *Tesis Ph.D.* Universiti Malaya.
- Siti Zainon Ismail. (Julai, 1991). Adat Persalinan Cara Melayu Pemerian daripada Teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah. *Dewan Budaya*, 64- 66.
- Siti Zainon Ismail. “Tekstil Melayu: Fungsi, Simbol dan Keindahan”. *Tamadun Melayu Jilid Lima*. Peny. Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman al-Ahmadi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, 2035- 2055.
- Siti Zainon Ismail. (1997). *Busana Melayu Johor*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Siti Zainon Ismail. (1999). Baju Melayu Johor “Kurung Teluk Belanga”: Perkembangan Gaya dan Penampilan Jati diri Budaya. *Jurnal Sari* 17, 101-111.
- Siti Zainon Ismail. (2004). Seni Hias dalam Upacara Istiadat ‘Kerajaan Melayu’ Melaka Sorotan Tatarias Busana. *Seminar Busana Melayu Serumpun*, Melaka, 13 April 2004.
- Siti Zainon Ismail. (2007). Pemerian Keindahan Busana Melayu dan Maknanya Melalui Teks Melayu Klasik dan Moden. Dlm. Ahmad Kamal Abdullah, Mohd Jusoh Majid, & Muhammad Ikram Fadhly Hussin (Ed.). *Seminar Kesusasteraan Bandingan Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia.
- Siti Zainon Ismail. (2007). Pemerian Keindahan Busana Melayu dan Maknanya Melalui Teks Melayu Klasik dan Moden. *Seminar Kesusasteraan Bandingan Antarabangsa*, DBP Kuala Lumpur, 7-9 Jun 2007.
- Siti Zainon Ismail. (2009). *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Siti Zainon Ismail. (2010). Keindahan dan Keunikan Busana Warisan Negeri Selangor. *Himpunan Kertas Kerja Siri Kuliah Budaya 2009-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Soedibyo & Mooryati. (2002). *Busana Keraton Surakarta Hadiningrat*. Jakarta: PT Gramedia Widiasarana Indonesia.
- Soleh Soemirat & Elvinaro Adrianto. (2007). *Dasar-dasar Public Relations*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2002). *Rasa-Fenomenologi Penerapan Terhadap Karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Swetteham F. (1929). *British Malay An Account of The Origin and Progress of British Influence in Malaysia*. London: John Lane The Bodley Head.
- Syed Ahmad Jamal. (2010). *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mahmud Abdul Kadir. (1934). *Kamus al-Mahmudiyah*. Kota Bharu: S.N.
- Tenas Effendy. (2004). *Pemakaian Ungkapan dalam Upacara Perkahwinan Orang Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu bekerja sama dengan Penerbit AdiCita.
- Teuku Iskandar. (1970). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The, Liang Gie. (1975). *Garis Besar Estetik (Filsafat Keindahan)*. Yogyakarta: Karya.
- The, Liang Gie. (2004). *Filsafat Keindahan*. Yogyakarta: Pusat Belajar Ilmu Berguna.
- The Oxford Illustrated Dictionary*. (1975). United Kingdom: Oxford University Press.
- Wadjiz Anwar. (1980). *Filsafat Estetika: Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Nur Cahaya.
- Wan Suhaimi Che Harun. (1976/1977). Adat Istiadat Orang-Orang Melayu dalam Sastra Sejarah. *Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Yahaya Abdullah. (2006). *Destar Warisan Malaysia: Koleksi Terpilih*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Webster's Seventh New Collegiate Dictionary*. (1966). Mishawaka U.S: G. & C. Merriam Co.,
- Winstedt R.O. (1952). *An English Malay Dictionary*. Singapura: Kelly and Walsh.
- Winstedt R.O. (1981). *The Malays a Cultural History*. Singapura: Graham Brash.

- Yaakub Isa. (1997). *Siri Kamus Berita: Kamus Bahasa Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. Yakob Sumarjo dan Saini K.M. (1986). *Apresiasi Kesusasteraan*. Gramedia: University of Michigan.
- Za'ba Pendita. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahir Ahmad (Peny.). (1991). *Nashkah Melayu dalam Syair Agung Jilid 1*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zahir Ahmad. (1990). Keragaman Kata dalam Syair Agung: Satu Analisis Stalistik. *Jurnal Pengajian Melayu* 2, 64-75.
- Zahir Ahmad. (1986). Syair Agung: Analisis Perbandingan dan Penurunan Teks". *Tesis M. A. Universiti Malaya*.
- Zahir Ahmad. (1994). Syair Agung: Sintesis Hindu-Jawa-Melayu (Islam). Dlm. Ismail Hussein, A. Aziz Deraman, & Abd. Rahman al-Ahmadi (Peny.), *Tamadun Melayu Jilid Lima* (hlm. 232- 248). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahir Ahmad. (1995, Mei 9). Syair Agung: Puisi Melayu Terpanjang di Dunia. *Berita Harian*, 23.
- Zainal Abidin Borhan. (1996). *Istiadat Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Percetakan Seasons Sdn. Bhd.
- Zainal Abidin Borhan. (2003). Adat Melayu dalam Warisan Peradaban Dunia. *Seminar Pemimpin Adat Melayu Serumpun*. Melaka, 30 September 2003.
- Zainal Abidin Borhan. (2008). Kehidupan Budaya pada Zaman Kesultanan Melaka. Dlm. Abdullah Zakaria & Jazamuddin Baharuddin (Ed.), *Arkeologi dan Sejarah* (hlm. 18-28). Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Zaiton Abu Samah. (Ogos, 2003). Pakaian Melayu Gambaran Peradaban Bangsa. *Dewan Budaya*, 42- 43.
- Zakaria Abdullah. (2007). *Rahsia Keris dan Senjata Warisan Melayu*. Kota Bharu: Penerbit D Warisan Darul Naim.
- Zakaria Ali. (1989). *Seni dan Seniman: Estetika Melayu- Sebuah Renungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Ali. (1987). *Estetika Melayu Ditinjau dari Objek-Objek Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Osman. (1997). Novel-Novel A. Samad Said: Menghayatinya dari Sudut Estetika Sastera. *Tesis Ph.D. Universiti Malaya*.
- Zubaidah Shawal. (1994). *Busana Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia.

Zubir Idris. (2005). Estetika dalam Syair Sejarah. Dlm. Rohayah A. Hamid, & Wahyunah Abd. Gani (Peny.), *Pandangan Semester Melayu Syair* (hlm. 133-152). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



COPYRIGHT UPM